

# TEGUH MENCIPTA NILAI



Laporan Prestasi Dana 2019

Allianz 





# KANDUNGAN

## LAPORAN PRESTASI DANA 2019

### GAMBARAN KESELURUHAN

• Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif	2
• Ulasan dan Tinjauan Pasaran 2019	4
• Dana Ekuiti Allianz Life	6
• Dana Terurus Allianz Life	15
• Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life	24
• Dana Tunai Allianz Life	34
• Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life	42
• Dana Global High Payout Allianz Life	51
• Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life	59
• Dana Induk Bon Allianz Life	67
• Dana Induk Ekuiti Allianz Life	79
• Dana Induk Dividen Allianz Life	90
• Dana Bon Allianz Life	100
• Dana Padu Allianz Life	108
• Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life	116
• Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life	126
• Dana ASEAN PLUS Allianz Life	134
• Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life	142
• Lampiran	153

# Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif

## JOSEPH KUMAR GROSS

Ketua Pegawai Eksekutif

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

### Pemegang polisi berkaitan pelaburan yang dikasih,

Tahun 2019 telah mencabar ekonomi Malaysia secara berterusan sebagaimana digambarkan oleh kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kurang memberangsangkan pada 4.3% tahun-atas-tahun (tat), jauh lebih rendah berbanding kadar purata 5.1% tat bagi tempoh antara tahun 2000 dan tahun 2018. Ia berada pada kadar yang rendah bagi unjuran Bank Negara Malaysia (BNM) pada julat +4.3 – 4.8% tat dan menggambarkan penurunan momentum pertumbuhan KDNK berbanding +4.7% tat yang direkod pada tahun 2018.

Semasa pelancaran Bajet 2019, kerajaan mengunjurkan KDNK Malaysia akan tumbuh sebanyak +4.9% tat di sebalik ketidaktentuan ekonomi global. Bagaimanapun, permintaan domestik yang berkurangan didorong oleh pelaburan dan penggunaan swasta yang lebih lemah pada separuh kedua tahun 2019 (2H19) digabungkan pula dengan perang dagang Amerika Syarikat (AS)-China yang berlanjutan, telah mendorong kerajaan untuk menurunkan unjuran pertumbuhan KDNK kepada +4.7% tat semasa pembentangan Bajet 2020. Namun, kerajaan kemudian menganggarkan KDNK akan meningkat kepada +4.8% tat pada tahun 2020 dengan memberi komitmen untuk campur tangan melalui langkah kontingenzi bagi menyediakan sokongan tambahan atau rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi sekiranya perlu. Dari segi prestasi pasaran, FBMKLCI memulakan dagangan tahun baharu dengan trend positif, memacu rekod tertinggi pada 1,730.68 mata untuk tahun-ke-tarikh (TKT) pada Februari 2019, iaitu peningkatan pada +2.4% TKT, ketika pelabur mengharapkan pemulihan yang diperlukan berikutan pergolakan pada tahun 2018. Sehubungan dengan itu, pelabur yang didorong oleh pendirian Rizab Persekutuan Amerika Syarikat pada suku pertama tahun 2019 (1Q19) bahawa ia akan menghentikan peningkatan kadar faedah dan mempertimbangkan mengakhiri proses normalisasi dasar kewangan. Malangnya, situasi ketidaktentuan berikutan rundingan berpanjangan berhubung perang dagang AS-China yang menyaksikan lanjutan kenaikan tarif, ancaman sekatan teknologi dan tindakan saling membalaik denda yang dikenakan, telah menyebabkan pertumbuhan global yang rendah seperti yang digambarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mengurangkan unjuran pertumbuhan global 2019 kepada 2.9% pada Januari 2020, -0.6 mata daripada ramalan Januari 2019. Meskipun kerajaan Malaysia, sejajar dengan rakan global, melaksanakan beberapa langkah rangsangan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi dengan memulihkan semula projek mega seperti Bandar Malaysia dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), dan pengumuman BNM mengenai penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 25 mata asas pada suku kedua tahun 2019 (2Q19) diikuti oleh pemotongan nisbah 50 mata asas Keperluan Rizab Berkunun (SRR) di luar jangkaan pada suku keempat tahun 2019 (4Q19) untuk meningkatkan tahap kecairan, ia tidak mencapai hasil yang dihasratkan dan ia tidak mampu untuk merangsang pasaran. Lantas, KLCI mengakhiri tahun tersebut dengan catatan



-6.02% tat, di bawah Indeks Dunia MSCI yang meningkat sebanyak +25.19% tat. Aliran keluar ekuiti asing bersih bagi 2019 mencapai RM11.1 bilion berbanding dengan aliran keluar bagi 2018 pada RM11.6 bilion.

Di sebalik halangan yang dialami oleh pasaran ekuiti, dana berkaitan pelaburan kami berjaya mengatasi prestasi penanda aras yang ditetapkan. Dana utama di bawah pengurusan kami, Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Terurus Allianz Life masing-masing mencatat pulangan sebanyak +3.10% dan +4.35%, berbanding pulangan yang dilaporkan bagi penanda aras yang sepadan dengannya, masing-masing pada -2.88% dan +0.21%. Apabila diukur sepanjang tiga tahun yang lepas, pulangan tahunan Dana Ekuiti dan Dana Terurus masing-masing merekodkan -0.34% dan +2.15% setahun, berbanding pulangan yang dilaporkan di pasaran pada -0.22% dan +1.59% setahun. Selanjutnya, sepanjang lima tahun lalu, pulangan tahunan adalah +0.58% dan +2.30% setahun, mendahului pulangan tahunan lima tahun bagi penanda aras masing-masing pada -1.21% dan +1.11%. Berhubung dengan prestasi keseluruhan sejak penubuhannya pada tahun 2000, Dana Ekuiti dan Dana Terurus turut merekodkan hasil positif yang serupa dengan pulangan tahunan masing-masing pada +8.56% dan +8.85% setahun, mengatasi prestasi penanda aras masing-masing sebanyak 4.81 dan 5.04 titik peratusan. Kami juga mengambil maklum bahawa produk Berkaitan Pelaburan kami merekodkan pertumbuhan yang baik pada tahun 2019, iaitu sebanyak 15.2% dalam premium

## Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif

**“Tahun 2019 telah mencabar ekonomi Malaysia secara berterusan sebagaimana digambarkan oleh kadar pertumbuhan Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 4.3% tahun-atas-tahun (tat) jauh lebih rendah berbanding purata 5.1% tat yang diambil dalam tempoh antara tahun 2000 dan 2018.”**

bertulis kasar dan 12.2% dalam premium perniagaan baharu. Untuk tahun 2020 ini, kami tetap berjaga-jaga terhadap pelbagai situasi luaran yang mungkin menimbulkan rintangan kepada pertumbuhan ekonomi. Ia merupakan ancaman sedia ada berhubung potensi peningkatan semula permusuhan dagangan antara AS dan blok ekonomi lain, dan kelembapan pertumbuhan ekonomi China pada tahun 2020, sebagaimana ditekankan oleh unjuran IMF iaitu kurang daripada +6% tat, paras terendah yang belum pernah disaksikan sejak tahun 1990. Ekoran daripada ini, IMF telah menurunkan unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2020 kepada +3.3% tat (+3.4% tat pada Oktober 2019) dan memberi amaran bahawa pertumbuhan kekal “lembap”. Di samping itu, kini terdapat kemunculan penularan wabak koronavirus baharu (COVID-19) yang mungkin akan terus memperlambangkan pertumbuhan rantau ini dalam tempoh terdekat. Pemimpin IMF telah memberi pendapat dalam sebuah forum pada akhir Januari 2020 bahawa ia masih terlalu awal untuk mengukur sepenuhnya impak penularan virus ke atas ekonomi China melepas suku pertama tahun 2020 (1Q20) tetapi turut mengambil maklum bahawa kemungkinan besar terdapat impak negatif pada suku tersebut berhubung dengan aktiviti pembuatan, pelancongan dan pengembalaan warga China dan sebahagian kecil warga Asia.

Dalam keadaan makroekonomi global dijangkakan suram, kerajaan Malaysia pada awalnya meramalkan pertumbuhan KDNK yang agak mantap pada +4.8% tat bagi tahun 2020 dan memperkenalkan pelan baharu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV 2030) dalam Bajet 2020. Kerajaan menjangkakan perbelanjaan isi rumah untuk terus memacu pertumbuhan, disokong oleh pasaran tenaga kerja yang stabil dan inflasi yang berada pada paras tidak berbahaya. Bagi tujuan ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM297 bilion untuk Bajet 2020, iaitu hampir +7.0% tat (tanpa dividen khas Petronas 2019 dan pembayaran balik cukai GST). Bagaimanapun, unjuran ini telah digantikan oleh unjuran pertumbuhan KDNK 2020 baharu pada julat +3.2 – 4.2% tat berdasarkan pakej rangsangan ekonomi untuk menangani impak penularan COVID-19 yang dilancarkan pada 27 Februari 2020. Pendekatan kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan KDNK telah menelan kos sebagaimana digambarkan oleh unjuran defisit bajet 2020 pada 3.4% daripada KDNK, setanding dengan angka tahun sebelumnya. Penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) oleh BNM yang dinyatakan di atas serta langkah awal penurunan OPR pada Januari 2020 menunjukkan bahawa BNM sentiasa peka dan bersedia untuk bertindak berdepan dengan sebarang risiko terhadap pertumbuhan ekonomi. Kami juga sedar bahawa harga semasa minyak mentah Brent pada USD50.52 setengah adalah di bawah purata harga minyak mentah pada USD62

seteng yang dianggarkan dalam Bajet 2020. Bagi tujuan itu, OPEC dan sekutunya telah mengadakan satu mesyuarat pada Februari 2020 untuk menilai impak COVID-19 ke atas permintaan minyak global dan menentukan sama ada satu mesyuarat peringkat kementerian perlu diadakan kemudian bagi mempertimbangkan penurunan pengeluaran. Dari segi bon, penyedia indeks global, FTSE Russell menyatakan pada 2019 bahawa ia akan menggugurkan Malaysia daripada Indeks Bon Kerajaan Global (WGBI). Langkah terbabit, sekiranya direalisasikan, akan memberi impak negatif kepada sentimen pelabur. Namun, kami mengambil maklum bahawa BNM telah menangani sebarang keimbangan pelabur dengan melaksanakan langkah baharu untuk mempermudahkan akses pasaran menjelang kajian FTSE Russell pada Mac 2020.

Sementara “Fasa Satu Urusan Dagangan” antara Amerika Syarikat dan China yang baru berakhir adalah satu perkembangan positif bagi perdagangan global, kita perlu mengambil langkah berjaga-jaga bagi sebarang impak ekonomi koran penularan COVID-19, dan terutamanya, usaha kerajaan untuk membendungnya. Kami mengambil maklum Bajet 2020 dan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 akan memberi sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan ekonomi kita. Bagaimanapun, memandangkan situasi semasa yang mencabar, kita harus berwaspada dan bersedia sekiranya penularan COVID-19 menjadi bertambah buruk kepada status pandemik dan seterusnya memberi impak kepada pertumbuhan global. Sebagai kesimpulan, kita akan sentiasa berhati-hati dan mengamalkan pendekatan yang berhemat lagi wajar terhadap trajektori pertumbuhan jangka panjang pasaran kita. Oleh itu, kami akan terus menyalurkan dana di dalam pelaburan yang baik secara asasnya namun berhati-hati dalam menjajarkan semula hala tuju pelaburan kami sebagaimana perlu agar menjadi selaras dengan perubahan dalam persekitaran pasaran. Dari segi penilaian, penjejakan semula pasaran telah menyebabkan penilaian kelihatan menarik berbanding dengan purata sejarahnya. Namun begitu, kami mengambil maklum bahawa tempoh terdekat ini masih akan terkesan dengan peningkatan volatiliti pasaran.

Pertumbuhan  
KDNK 2019  
Malaysia

**+4.3%**  
tat

Pertumbuhan  
Purata KDNK  
Malaysia  
(2000-2018)

**+5.1%**  
tat

## Ulasan dan Tinjauan Pasaran 2019

**“Sementara, Bajet 2020 dan pakej rangsangan ekonomi COVID-19 akan memberi sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, kami harus berhati-hati dan bersedia untuk mengambil tindakan sewajarnya sekiranya wabak menjadi bertambah buruk menyebabkan pandemik global seterusnya mengganggu dinamik permintaan dan bekalan ekonomi global.”**

Pasaran ekuiti global, sebagaimana ditunjukkan oleh Indeks Dunia MSCI mencatat prestasi yang membanggakan pada tahun 2019 di mana ia kembali pulih, memperolehi +25.19% tahun-atas-tahun (tat). Ini adalah perbezaan amat ketara berbanding prestasi pada tahun 2018, di mana ia menurun sebanyak 10.4% tat apabila ia dibelenggu rintangan seperti empat kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat (AS), kebimbangan berkaitan Brexit dan permulaan ketegangan perdagangan AS-China. Sebagai perbandingan, 2019 adalah tahun yang positif secara relatifnya bagi ekuiti global berlatarbelakangkan: (a) pembalikan dalam pengetatan polisi Rizab Persekutuan AS dalam bentuk tiga penurunan kadar AS; (b) polisi monetari Bank Pusat Eropah (ECB) yang sebahagian besarnya akomodatif; dan (c) jangkaan yang perang dagangan AS-China kian reda seperti yang dinyatakan di atas, ekoran pengumuman “Fasa Pertama Perjanjian Perdagangan” antara kedua-dua kuasa besar ekonomi pada suku keempat 2019 (4Q19). Namun begitu, terdapat peningkatan volatiliti pasaran pada bulan Mei dan Ogos 2019 apabila pentadbiran AS mengancam untuk menaikkan tarif keatas barang import dari negara China sebagai sebahagian daripada strategi *brinkmanship* (menempah bahaya) dalam perundingan perang dagang.

Sepanjang tahun dalam kajian, harga minyak mentah Brent mula kukuh dan naik memuncak pada April 2019 pada USD74.57 setong, +38.6% pada TKT. Ia dikekalkan oleh peningkatan risiko gangguan pembekalan minyak Libya dan Venezuela disebabkan oleh ketidakstabilan politik dan juga keputusan pentadbiran Trump untuk tidak memperbaharui pengecualian sementara yang membenarkan sesetengah negara membeli minyak mentah Iran. Di samping itu, penurunan penghasilan yang dipersetujui oleh OPEC+ membantu untuk menangani sebarang kebimbangan berhubung permintaan. Bagaimanapun, mulai Mei 2019, harga minyak mentah mengalami volatiliti rendah akibat daripada peningkatan ketegangan perdagangan antara AS dan China

Aliran keluar ekuiti asing bersih	<b>RM11.1b</b> 2019
Pulangan FMBKLCI 2019	<b>RM11.6b</b> 2018
	<b>-6.02%</b> tat

Kadar Pertukaran RM:USD	<b>RM4.0910:</b> <b>USD1.00</b>
Kadar Pertukaran RM:USD	<b>RM4.1335:</b> <b>USD1.00</b>

yang mengancam untuk menjadikan permintaan. Namun, ia mengalami pemulihan yang secara relatifnya mantap pada suku keempat 2019 (4Q19) apabila pasaran mula mengambil kira potensi impak “Fasa Pertama Perjanjian Perdagangan” yang mungkin membantu merancakkan pertumbuhan ekonomi global. Seterusnya, pada akhir tahun 2019, harga minyak mentah Brent mencécah USD66.00 setong, iaitu +22.68% tat. Berlatarbelakangkan situasi ini bersama dengan penurunan kadar faedah Rizab AS, nilai matawang Ringgit meningkat kepada RM4.0910: USD1.00 daripada RM4.1335: USD1.00 setahun yang lalu.

Di dalam negara pula, FBMKLCI bermula pada aras positif, naik +2.4% kepada rekod tertinggi seluruh tahun sehingga kini sebanyak 1730.68 pada Februari 2019 apabila pelabur mengharapkan pemulihan yang diperlukan pasca kemerosotan pada tahun 2018. Pemulihan pasaran dibantu oleh keputusan Rizab Persekutuan AS pada suku pertama 2019 (1Q19) dimana ia berada di kedudukan untuk menghentikan seketika kenaikan kadar faedah pada masa hadapan dan mempertimbangkan untuk mengakhiri proses pengetatan kedudukan kewangan. Bagaimanapun, euporia pasaran menyejat beberapa bulan kemudian apabila ketidaktentuan muncul semula ekoran daripada peningkatan dalam perang dagangan AS dan China, yang mendorong Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk menurunkan unjuran pertumbuhan global 2019 kepada +2.9%, -0.6 titik peratusan tat, pada Januari 2020. Selain daripada itu, prestasi pasaran kita yang kurang memberangsangkan menjadi bertambah buruk disebabkan perolehan korporat domestik yang tidak begitu mengagumkan. Bagi menangani impak negatif berikut ketidaktentuan yang dinyatakan, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah rangsangan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, seperti menghidupkan semula projek mega seperti Bandar Malaysia dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), sementara Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan pemotongan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 25 mata asas pada suku kedua 2019 (2Q19) dan seterusnya pemotongan Keperluan Rizab Berkutan (SRR) sebanyak 50 mata asas pada suku keempat 2019 (4Q19) untuk meningkatkan kecairan. Meskipun usaha kerajaan dilaksanakan, KLCI mengakhiri tahun 2019 pada -6.02% tat, mencatat prestasi yang lebih rendah daripada Indeks Dunia MSCI yang meningkat sebanyak +25.19% tat. Aliran keluar ekuiti asing pada tahun 2019 mencapai RM11.1 bilion berbanding aliran keluar pada tahun 2018 sebanyak RM11.6 bilion. Sebaliknya, rakan-rakan ASEAN kita merekod pencapaian yang secara relatifnya lebih baik. Bursa Saham Thailand meningkat sebanyak +1.02% tat apabila ia memperolehi manfaat daripada beberapa pakej rangsangan kerajaan dan pemilihan semula kerajaan penyandang pada pertengahan tahun 2019. Indeks Komposit Jakarta, meningkat sebanyak +1.70% tat apabila kerajaan penyandang turut berjaya dipilih semula dan Bank Indonesia telah mengurangkan kadar faedahnya beberapa



## Ulasan dan Tinjauan Pasaran 2019



kali pada tahun 2019 untuk menampung unjuran ekonomi global yang menyusut. Akhir sekali, Indeks Straits Times Singapura meningkat +5.04% tetapi menunjukkan kaitan dengan pasaran global.

Bagi keseluruhan tahun 2019, aliran masuk dana asing bersih sebanyak RM19.9 bilion dalam sekuriti hutang tempatan mengimbangi semula kebanyakan aliran keluar sebanyak RM21.9 bilion pada tahun 2018. Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat secara "bull flattening" dengan MGS 10 mengakhiri tahun pada 3.296% apabila pasaran mempunyai tahap kecairan yang tinggi. Turut menyumbang ke arah hasil yang berkurangan adalah langkah pre-emptif BNM menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada bulan Mei. Pasaran bon tempatan turut menunjukkan reaksi positif kepada berita berhubung keputusan kajian penyedia indeks global, FTSE Russell yang berpihak kepada Malaysia kerana sebarang kemungkinan pengguguran negara daripada senarai penanda aras Indeks Bon Kerajaan Global (WGBI) akan ditangguhkan kepada kitaran kajian seterusnya pada Mac 2020.

### Unjuran

Peralihan kami ke tahun 2020 telah diunjurkan dengan cabaran yang muncul daripada ancaman luaran yang hebat terhadap pertumbuhan ekonomi. Kami terpaksa menghadapi ancaman sedia ada iaitu peningkatan semula ketegangan perdagangan antara AS dan blok ekonomi yang lain serta potensi kelembapan dalam momentum pertumbuhan ekonomi China. Seterusnya, IMF telah menurunkan unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2020 kepada +3.3% tat (+3.4% tat pada Oktober 2019) dan memberi amaran bahawa pertumbuhan akan kekal lembap. Di samping itu, kebanyakan ekonomi dunia terpaksa bergelut dengan penularan COVID-19 yang akan memburukkan lagi kelembapan pertumbuhan serantau bagi tempoh yang terdekat.

Berlatar belakang situasi ini, program rangsangan yang dilancarkan pada 27 Februari 2020 akan memberi unjuran pertumbuhan KDNK bagi tahun 2020 GDP pada julat +3.2 – 4.2% tat. Bagaimanapun, bagi merealisasikan unjuran pertumbuhan ini, pakej rangsangan mungkin menghasilkan deficit bajet pada 3.4% yang hampir serupa dengan angka tahun lepas.

Unjuran pertumbuhan global IMF  
2020

**+3.3%**

tat

Pertumbuhan KDNK 2020 Malaysia

**+3.2% - 4.2%**

tat

Setakat ini, kerajaan dilihat prihatin terhadap sebarang risiko pertumbuhan ekonomi sebagaimana ditunjukkan oleh langkah untuk melancarkan pakej rangsangan membabitkan semua kementerian untuk membendung sebarang risiko pertumbuhan ekonomi. Dari segi bon, FTSE Russell menyatakan pada 2019 bahawa ia akan mungkin mempertimbangkan pengguguran Malaysia daripada WGBI, di mana sekiranya direalisasikan, akan memberi impak negatif kepada sentimen pelabur. Bagaimanapun, kami mengambil maklum bahawa BNM sedang menangani kebimbangan para pelabur dengan melaksanakan langkah baharu untuk mempermudahkan akses pasaran menjelang kajian FTSE Russell pada Mac 2020.

Manakala perang perdagangan yang kian reda adalah satu perkembangan positif bagi dagangan global, kami tetap berwaspada terhadap impak penularan COVID-19 ke atas ekonomi terutamanya usaha kerajaan untuk membendungnya. Sementara, Bajet 2020 dan pakej rangsangan ekonomi COVID-19 akan memberi sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, kami harus berhati-hati dan bersedia untuk mengambil tindakan sewajarnya sekiranya wabak menjadi bertambah buruk menyebabkan pandemik global seterusnya mengganggu dinamik permintaan dan bekalan ekonomi global. Sehubungan dengan itu, kami akan mengamalkan strategi berhemat namun wajar terhadap trajektori pertumbuhan jangka panjang pasaran kami. Kami akan terus menyalurkan dana di dalam pelaburan yang baik secara asasnya namun berhati-hati dalam menjajarkan semula hala tuju pelaburan kami sebagaimana perlu agar selaras dengan perubahan dalam persekitaran pasaran.

Pasaran bon dijangka akan kekal tidak menentu pada tahun 2020 berikutan daripada perkembangan domestik dan global sebagaimana dinyatakan di atas. Impak perang perdagangan ke atas bon setakat ini telah menyebabkan pelonggaran kadar faedah, tetapi keputusan muktamad belum dapat dipastikan. Pada Januari 2020, BNM menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% yang merupakan tahap terendah sejak Mei 2011, ia satu langkah untuk melindungi pertumbuhan dan merancakkan perbelanjaan swasta. Bagaimanapun, penurunan OPR mungkin berlaku lagi pada tahun 2020 sekiranya data ekonomi dan kelembapan pertumbuhan global bertambah buruk. Dengan kenyataan itu, kami kekal selektif dalam pembelian dan pengumpulan bon yang cenderung ke arah nama yang berkualiti dan kecairan tinggi.

**Nota:** Semua fakta dan statistik dikemaskini pada akhir bulan Februari 2020

# DANA EKUITI ALLIANZ LIFE

- 07 Jadual Perbandingan Prestasi
- 08 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 09 Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 10 Peruntukan Portfolio
- 11 Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 12 Penyata Aset dan Liabiliti
- 13 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 14 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

## Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM / unit)	4.893	4.975	5.958	4.776	<b>4.924</b>
Unit dalam Edaran	32,451,729	38,455,612	44,619,230	53,574,150	<b>64,884,012</b>
Jumlah NAV (RM)	158,051,519	190,516,579	264,675,232	254,775,619	<b>318,137,537</b>
NAV Tertinggi (RM / unit)	5.085	5.152	5.958	6.203	<b>5.143</b>
NAV Terendah (RM / unit)	4.096	4.639	5.003	4.655	<b>4.744</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	2.30	1.68	19.76	-19.84	<b>3.10</b>
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas (%)	-2.89	-2.45	12.74	-9.28	<b>-2.88</b>
<b>Pecahan Pulangan Tahunan Dana</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	2.12%	1.56%	19.45%	-20.28%	<b>2.67%</b>
Agihan Pendapatan (%)	0.18%	0.12%	0.31%	0.44%	<b>0.43%</b>

## Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk ASEAN Plus	1.13%	2.09%	1.27%	1.40%	<b>1.29%</b>
Dana Induk Ekuiti	91.47%	85.87%	87.71%	80.83%	<b>84.74%</b>
Ekuiti	0.00%	5.22%	1.00%	0.67%	<b>0.00%</b>
Amanah Saham	0.00%	0.00%	1.80%	2.00%	<b>1.74%</b>
Tunai & Deposit	7.40%	6.82%	8.22%	15.10%	<b>12.23%</b>

	Satu-Tahun (Jan 19 - Dis 19)	Tiga-Tahun (Jan 17 - Dis 19)	Lima-Tahun (Jan 15 - Dis 19)
<b>PULANGAN TAHUNAN PURATA</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana	3.10%	-0.34%	<b>0.58%</b>
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	-2.88%	-0.22%	<b>-1.21%</b>

### **Objektif dan strategi pelaburan**

Dana ini adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk mencapai kenaikan nilai modal bagi tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan membuat pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Tiada sebarang perubahan di dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

### **Agihan pendapatan**

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

### **Caj pengurusan dana**

Caj pengurusan dana sebanyak 1.42% dikenakan ke atas dana.


## Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Budi Bicara Pengguna	0.00%	9.90%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Pembinaan	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perindustrian	0.00%	69.01%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Amanah Pelaburan Hartanah (Reits)	0.00%	21.09%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Teknologi	0.00%	0.00%	0.00%	100.00%	<b>0.00%</b>
Perkhidmatan/Perdagangan	0.00%	0.00%	100.00%	0.00%	<b>0.00%</b>

## Peruntukan Portfolio

	Jumlah unit dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>				
<b>PELABURAN</b>				
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	101,729,745	239,266.24	269,583.82	84.74
Pelaburan dalam Dana Induk ASEAN Plus	6,450,610	4,010.67	4,096.14	1.29
<b>ASET ASING: UNIT AMANAH SAHAM</b>				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	15,751,466	5,068.83	5,538.97	1.74
<b>DEPOSIT TETAP / PASARAN KEWANGAN</b>				
CIMB BANK BERHAD	14,500,000	14,500.00	14,500.00	4.56
HONG LEONG BANK BERHAD	10,603,395	10,603.39	10,603.39	3.33
UOB (MALAYSIA) BERHAD	10,000,000	10,000.00	10,000.00	3.14

# Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2019

	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASET</b>		
Pelaburan		
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	<b>269,584</b>	205,884
Pelaburan dalam Dana Induk ASEAN Plus	<b>4,096</b>	3,573
Aset asing	<b>5,539</b>	6,792
Deposit tetap / pasaran kewangan	<b>35,103</b>	37,218
Tunai dan kesetaraan tunai	<b>2,514</b>	184
Faedah dan dividen belum terima	<b>352</b>	17
Lain-lain belum terima	<b>1,436</b>	1,415
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>318,624</b>	255,083
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	<b>38</b>	-
Manfaat dan tuntutan liabiliti	<b>449</b>	250
Lain-lain belum bayar	<b>-</b>	58
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>487</b>	308
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>318,137</b>	254,775
<b>DIWAKILI OLEH:</b>		
Modal pemegang polisi	<b>281,252</b>	225,402
Perolehan tertahan	<b>36,885</b>	29,373
	<b>318,137</b>	254,775
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	<b>4.924</b>	4.776

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Modal pemegang polisi RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2018</b>	177,419	87,256	264,675
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	62,906	-	62,906
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(14,923)	-	(14,923)
Kerugian bagi tahun	-	(57,883)	(57,883)
<b>Pada 31 Disember 2018 / 1 Januari 2019</b>	<b>225,402</b>	<b>29,373</b>	<b>254,775</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	70,420	-	70,420
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(14,570)	-	(14,570)
Keuntungan bagi tahun	-	7,512	7,512
<b>Pada 31 Disember 2019</b>	<b>281,252</b>	<b>36,885</b>	<b>318,137</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	1,485	1,048
Pendapatan dividen	145	142
(Kerugian) / Keuntungan bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	(107)	429
Keuntungan / (Kerugian) tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	10,062	(55,639)
Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing	154	73
Lain-lain pendapatan	52	33
	<b>11,791</b>	(53,914)
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(4,131)	(3,840)
<b>KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	<b>7,660</b>	(57,754)
<b>PERBELANJAAN CUKAI</b>	<b>(148)</b>	(129)
<b>KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) BAGI TAHUN</b>	<b>7,512</b>	(57,883)
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	29,373	87,256
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	<b>36,885</b>	29,373

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyeata kewangan ini.

# DANA TERURUS

# ALLIANZ LIFE

- 16 Jadual Perbandingan Prestasi
- 17 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 18 Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 19 Peruntukan Portfolio
- 20 Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 21 Penyata Aset dan Liabiliti
- 22 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 23 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

## Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM / unit)	4.756	4.863	5.445	4.968	<b>5.184</b>
Unit dalam Edaran	93,777,899	116,363,199	139,882,296	168,717,724	<b>206,180,784</b>
Jumlah NAV (RM)	445,014,239	564,713,584	759,887,142	836,310,739	<b>1,066,690,298</b>
NAV Tertinggi (RM / unit)	4.800	4.962	5.445	5.562	<b>5.242</b>
NAV Terendah (RM / unit)	4.344	4.638	4.877	4.904	<b>4.955</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	2.79	2.25	11.97	-8.76	<b>4.35</b>
Penanda Aras: 50% Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas & 50% Kadar FD 12-bulan Maybank (%)	0.32	0.44	7.87	-2.99	<b>0.21</b>
<b>Pecahan Pulangan Tahunan Dana</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	2.57%	2.07%	11.76%	-9.14%	<b>3.99%</b>
Agihan Pendapatan (%)	0.22%	0.18%	0.21%	0.38%	<b>0.36%</b>

## Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk Ekuiti	46.38%	47.45%	47.48%	50.63%	<b>46.04%</b>
Dana Induk Bon	46.56%	45.94%	43.80%	37.69%	<b>43.50%</b>
Ekuiti	0.00%	1.43%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Amanah Saham	0.00%	0.00%	1.13%	1.10%	<b>0.93%</b>
Tunai dan Deposit	7.06%	5.18%	7.59%	10.58%	<b>9.53%</b>

	Satu-Tahun (Jan 19 - Dis 19)	Tiga-Tahun (Jan 17 - Dis 19)	Lima-Tahun (Jan 15 - Dis 19)
<b>PULANGAN TAHUNAN PURATA</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana			
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	4.35%	2.15%	<b>2.30%</b>
	0.21%	1.59%	<b>1.11%</b>

### **Objektif dan strategi pelaburan**

Dana ini adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk mencapai kenaikan nilai modal bagi tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan membuat pelaburan dalam pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran kewangan.

Tiada sebarang perubahan di dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

### **Agihan pendapatan**

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

### **Caj pengurusan dana**

Caj pengurusan dana sebanyak 1.20% dikenakan ke atas dana.


## Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
Budi Bicara Pengguna	0.00%	34.86%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perindustrian	0.00%	65.14%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>

## Peruntukan Portfolio

	Jumlah unit dipegang	Kos (RM'000)	Nilai pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>				
<b>PELABURAN</b>				
Pelaburan dalam Dana Induk Bon	293,042,088	403,753.97	491,138.54	<b>46.04</b>
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	175,101,679	437,444.69	464,019.45	<b>43.50</b>
<b>ASET ASING: AMANAH SAHAM</b>				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	28,343,084	9,120.82	9,966.79	<b>0.93</b>
<b>DEPOSIT TETAP / PASARAN KEWANGAN</b>				
CIMB BANK BERHAD	9,400,000	9,400.00	9,400.00	<b>0.88</b>
HONG LEONG BANK BERHAD	27,209,296	27,209.30	27,209.30	<b>2.55</b>
RHB BANK BERHAD	25,000,000	25,000.00	25,000.00	<b>2.34</b>
RHB ISLAMIC BANK	15,000,000	15,000.00	15,000.00	<b>1.41</b>
UOB (MALAYSIA) BERHAD	20,000,000	20,000.00	20,000.00	<b>1.87</b>

## Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2019

	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASET</b>		
Pelaburan		
Pelaburan Dana Induk Bon	<b>491,139</b>	423,227
Pelaburan Dana Induk Ekuiti	<b>464,019</b>	315,117
Aset Asing	<b>9,967</b>	9,174
Deposit tetap / pasaran kewangan	<b>96,609</b>	84,743
Tunai dan kesetaraan tunai	<b>670</b>	340
Faedah dan dividen belum terima	<b>1,343</b>	154
Lain-lain belum terima	<b>5,110</b>	4,447
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>1,068,857</b>	837,202
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	<b>68</b>	4
Manfaat dan tuntutan liabiliti	<b>1,983</b>	704
Lain-lain belum bayar	<b>116</b>	184
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>2,167</b>	892
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>1,066,690</b>	836,310
<b>DIWAKILI OLEH:</b>		
Modal Pemegang Polisi	<b>964,999</b>	772,712
Perolehan Tertahan	<b>101,691</b>	63,598
	<b>1,066,690</b>	836,310
Nilai Aset Seunit (RM)	<b>5.184</b>	4.968

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

## Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Modal pemegang polisi RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2018</b>	621,725	138,162	759,887
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	189,553	-	189,553
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(38,566)	-	(38,566)
Kerugian bagi tahun	-	(74,564)	(74,564)
<b>Pada 31 Disember 2018 / 1 Januari 2019</b>	<b>772,712</b>	<b>63,598</b>	<b>836,310</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	243,756	-	243,756
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(51,469)	-	(51,469)
Keuntungan bagi tahun	-	38,093	38,093
<b>Pada 31 Disember 2019</b>	<b>964,999</b>	<b>101,691</b>	<b>1,066,690</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	<b>3,880</b>	2,542
Pendapatan dividen	262	255
Keuntungan bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	1,903	1,747
Keuntungan / (Kerugian) tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	<b>43,532</b>	(69,062)
Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing	277	-
Pendapatan lain	68	-
	<b>49,922</b>	(64,518)
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(11,455)	(9,820)
Lain-lain perbelanjaan	-	(15)
<b>KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	<b>38,467</b>	(74,353)
<b>PERBELANJAAN CUKAI</b>	<b>(374)</b>	(211)
<b>KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) BAGI TAHUN</b>	<b>38,093</b>	(74,564)
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	63,598	138,162
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	<b>101,691</b>	63,598

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyeata kewangan ini.

# DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE

- 25 Jadual Perbandingan Prestasi
- 26 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 27 Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 27 Portfolio Ekuiti Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life
- 28 Peruntukan Portfolio
- 30 Prestasi Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 31 Penyata Aset dan Liabiliti
- 32 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 33 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

## Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM / unit)	2.108	2.108	2.489	1.988	<b>2.087</b>
Unit dalam Edaran	33,532,042	36,073,110	37,769,542	40,436,480	<b>43,832,399</b>
Jumlah NAV (RM)	70,976,991	76,356,407	94,412,776	80,745,936	<b>91,899,617</b>
NAV Tertinggi (RM / unit)	2.185	2.174	2.489	2.583	<b>2.175</b>
NAV Terendah (RM / unit)	1.857	2.022	2.116	1.932	<b>1.975</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	2.48	0.00	18.07	-20.13	<b>4.98</b>
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas (%)	-2.26	-2.77	12.87	-10.93	<b>-1.77</b>
<b>Pecahan Pulangan Tahunan Dana</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	0.78%	0.00%	15.34%	-22.92%	<b>2.30%</b>
Agihan Pendapatan (%)	1.70%	0.00%	2.73%	2.79%	<b>2.68%</b>

## Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Ekuiti	87.49%	86.90%	85.95%	80.79%	<b>90.88%</b>
Amanah Saham	0.00%	0.00%	1.88%	2.36%	<b>2.25%</b>
Tunai dan Deposit	12.51%	13.10%	12.17%	16.85%	<b>6.87%</b>

	Satu-Tahun (Jan 19 - Dis 19)	Tiga-Tahun (Jan 17 - Dis 19)	Lima-Tahun (Jan 15 - Dis 19)
<b>PULANGAN TAHUNAN PURATA</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana	4.98%	-0.33%	<b>0.29%</b>
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	-1.77%	-0.42%	<b>-1.26%</b>

## **Objektif dan strategi pelaburan**

Dana ini adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal yang tinggi sepanjang tempoh jangka sederhana dan panjang dengan membuat pelaburan dalam pelbagai memberi penekanan kepada portfolio saham syarikat bersaiz kecil dan sederhana.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

### ***Agihan pendapatan***

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.


### **Caj pengurusan dana**

Caj pengurusan dana sebanyak 1.46% dikenakan ke atas dana.

## Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Pembinaan	13.69%	11.67%	10.13%	2.95%	<b>4.10%</b>
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	5.86%	2.08%	1.78%	0.00%	<b>12.89%</b>
Keperluan Pengguna	0.00%	2.36%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Tenaga	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>14.40%</b>
Perkhidmatan Kewangan	16.06%	20.14%	22.16%	28.64%	<b>21.70%</b>
Produk & Perkhidmatan Perindustrian	7.02%	9.35%	11.09%	14.11%	<b>14.97%</b>
Perindustrian	0.00%	1.30%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Syarikat Projek Prasarana	3.54%	1.99%	1.63%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perlادangan	5.03%	3.16%	2.01%	2.13%	<b>4.22%</b>
Hartanah	3.52%	5.09%	10.40%	4.87%	<b>4.53%</b>
Teknologi	0.00%	0.00%	0.00%	1.73%	<b>4.43%</b>
Telekomunikasi & Media	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>6.84%</b>
Perdagangan / Perkhidmatan	45.28%	42.86%	40.80%	45.57%	<b>0.00%</b>
Pengangkutan & Logistik	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>1.76%</b>
Utiliti	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>10.16%</b>

## Portfolio Ekuiti Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life




## Peruntukan Portfolio

	Jumlah unit dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>				
<b>SEKURITI EKUITI KORPORAT</b>				
<b>PEMBINAAN</b>				
ECONPILE HOLDINGS BERHAD	1,915,800	1,233.36	1,446.43	<b>1.57</b>
GABUNGAN AQRS BERHAD	1,225,106	1,681.01	1,445.63	<b>1.57</b>
ML GLOBAL BERHAD	679,000	522.57	441.35	<b>0.48</b>
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PENGGUNA</b>				
BERJAYA FOOD BERHAD	813,900	1,311.38	1,123.18	<b>1.22</b>
BERMAZ AUTO BERHAD	1,082,200	2,301.37	2,272.62	<b>2.47</b>
DRB-HICOM	340,700	798.50	810.87	<b>0.88</b>
GENTING MALAYSIA BERHAD	1,199,000	6,617.08	5,204.65	<b>5.66</b>
SIME DARBY BERHAD	609,003	1,281.19	1,351.99	<b>1.47</b>
<b>TENAGA</b>				
BUMI ARMADA BERHAD	3,285,000	967.60	1,741.05	<b>1.89</b>
DIALOG GROUP BERHAD	645,000	1,311.46	2,225.25	<b>2.42</b>
HIBISCUS PETROLEUM	2,888,200	2,014.45	2,714.91	<b>2.95</b>
SAPURA ENERGY BHD	6,033,000	1,753.70	1,628.91	<b>1.77</b>
SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	1,458,450	2,245.96	3,208.59	<b>3.49</b>
WAH SEONG CORPORATION	215,500	253.56	258.60	<b>0.28</b>
<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>				
AMMB HOLDINGS BERHAD	295,900	1,203.91	1,156.97	<b>1.26</b>
CIMB GROUP HOLDING BERHAD	972,941	5,538.25	5,010.65	<b>5.45</b>
HONG LEONG FINANCIAL GROUP BHD	104,370	1,647.44	1,763.85	<b>1.92</b>
MALAYAN BANKING BERHAD	726,753	6,122.35	6,279.15	<b>6.83</b>
PUBLIC BANK BERHAD	100,240	1,275.66	1,948.67	<b>2.12</b>
RHB BANK BHD	339,303	1,807.72	1,961.17	<b>2.13</b>
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PERINDUSTRIAN</b>				
ATA IMS BHD	852,000	1,372.40	1,482.48	<b>1.61</b>
CHIN HIN GROUP BERHAD	1,605,000	1,537.65	1,155.60	<b>1.26</b>
CYPARK RESOURCES BERHAD	962,150	1,398.46	1,375.87	<b>1.50</b>
HEXTAR GLOBAL BERHAD	1,200,000	940.96	768.00	<b>0.84</b>
HSS ENGINEERS BERHAD	731,200	735.77	617.86	<b>0.67</b>
PECCA GROUP BERHAD	829,600	760.77	904.26	<b>0.98</b>
PETRONAS CHEMICALS GROUP BERHAD	339,900	2,628.39	2,498.27	<b>2.72</b>
SCICOM (MSC) BERHAD	250,000	475.20	312.50	<b>0.34</b>
SKP RESOURCES BERHAD	1,306,200	1,586.71	1,776.43	<b>1.93</b>
V S INDUSTRY BERHAD	1,199,600	1,212.78	1,607.46	<b>1.75</b>

## Peruntukan Portfolio (sambungan)

	Jumlah unit dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE (SAMBUNGAN)</b>				
<b>PERLADANGAN</b>				
SIME DARBY PLANTATION BERHAD	647,403	3,390.82	3,528.35	<b>3.84</b>
<b>HARTANAH</b>				
ECO WORLD DEVELOPMENT GROUP	550,000	771.13	409.75	<b>0.45</b>
LBS BINA GROUP BERHAD	2,312,400	1,760.87	1,144.64	<b>1.25</b>
LBS BINA GROUP BERHAD-PREFERENCE SHARES	181,000	199.10	126.70	<b>0.14</b>
MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD	1,119,000	1,079.67	816.87	<b>0.89</b>
SIME DARBY PROPERTY BERHAD	1,359,503	1,456.75	1,243.95	<b>1.35</b>
<b>TEKNOLOGI</b>				
MY EG SERVICES BERHAD	2,754,600	3,098.55	3,030.06	<b>3.30</b>
VITROX CORP	84,800	551.13	671.62	<b>0.73</b>
<b>TELEKOMUNIKAS &amp; MEDIA</b>				
ASTRO MALAYSIA HOLDINGS	925,900	1,308.41	1,175.89	<b>1.28</b>
AXIATA GROUP BERHAD	822,552	4,024.01	3,405.37	<b>3.71</b>
TELEKOM MALAYSIA BERHAD	296,000	1,114.89	1,130.72	<b>1.23</b>
<b>PENGANGKUTAN &amp; LOGISTIK</b>				
MISC BERHAD	176,100	1,407.41	1,470.44	<b>1.60</b>
<b>UTILITI</b>				
MEGA FIRST CORP BERHAD	309,000	1,381.70	1,578.99	<b>1.72</b>
TENAGA NASIONAL BERHAD	520,800	6,070.20	6,905.81	<b>7.51</b>
<b>WARAN</b>				
ECONBERHAD-WA	254,680	-	44.57	<b>0.05</b>
ECONPILE HOLDINGS BHD	175,000	-	29.75	<b>0.03</b>
GABUNGAN AQRS BERHAD	179,350	-	60.08	<b>0.07</b>
HIBISCUS PETROLEUM	329,400	-	64.23	<b>0.07</b>
SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	416,700	-	183.35	<b>0.20</b>
WCT HOLDINGS BERHAD	97,000	-	3.88	<b>0.00</b>
<b>ASET ASING: AMANAH SAHAM</b>				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	5,877,741	1,891.46	2,066.90	<b>2.25</b>
<b>DEPOSIT TETAP / PASARAN KEWANGAN</b>				
HONG LEONG BANK BERHAD	5,801,899	5,801.90	5,801.90	<b>6.31</b>

## Prestasi Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2019

	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASET</b>		
Pelaburan		
Sekuriti ekuiti korporat	<b>83,518</b>	65,237
Aset asing	<b>2,067</b>	1,903
Deposit tetap / pasaran kewangan	<b>5,802</b>	13,412
Tunai dan kesetaraan tunai	<b>840</b>	79
Faedah dan dividen belum terima	<b>39</b>	96
Lain-lain belum terima	<b>187</b>	398
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>92,453</b>	81,125
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	<b>123</b>	-
Manfaat dan tuntutan liabiliti	<b>141</b>	337
Lain-lain belum bayar	<b>290</b>	42
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>554</b>	379
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>91,899</b>	80,746
<b>DIWAKILI OLEH:</b>		
Modal pemegang polisi	<b>70,186</b>	63,114
Perolehan tertahan	<b>21,713</b>	17,632
	<b>91,899</b>	80,746
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	<b>2.087</b>	1.988

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

## Penyata Perubahan dalam Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Modal pemegang polisi RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2018</b>	57,214	37,198	94,412
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	10,786	-	10,786
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(4,886)	-	(4,886)
Kerugian bagi tahun	-	(19,566)	(19,566)
<b>Pada 31 Disember 2018 / 1 Januari 2019</b>	<b>63,114</b>	<b>17,632</b>	<b>80,746</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	11,789	-	11,789
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(4,717)	-	(4,717)
Keuntungan bagi tahun	-	4,081	4,081
<b>Pada 31 Disember 2019</b>	<b>70,186</b>	<b>21,713</b>	<b>91,899</b>

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	264	383
Pendapatan dividen	2,602	2,349
Kerugian bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	(2,621)	(2,864)
Keuntungan / (Kerugian) tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	5,045	(19,568)
Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing	57	-
	<b>5,347</b>	(19,700)
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(1,292)	(1,328)
Lain-lain perbelanjaan	(39)	(23)
<b>KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	<b>4,016</b>	(21,051)
<b>PENDAPATAN CUKAI</b>	<b>65</b>	1,485
<b>KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) BAGI TAHUN</b>	<b>4,081</b>	(19,566)
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	17,632	37,198
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	<b>21,713</b>	17,632

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyeata kewangan ini.

# DANA TUNAI

# ALLIANZ LIFE

- 35 Jadual Perbandingan Prestasi
- 36 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 37 Peruntukan Portfolio
- 38 Prestasi Dana Tunai Allianz Life Berbanding Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 39 Penyata Aset dan Liabiliti
- 40 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 41 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

## Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2015	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019
<b>DANA TUNAI ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM / unit)	1.230	1.238	1.238	1.254	<b>1.268</b>
Unit dalam Edaran	967,159	836,784	1,563,270	1,585,184	<b>1,458,338</b>
Jumlah NAV (RM)	1,189,598	1,035,309	1,935,120	1,986,850	<b>1,848,383</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	1,161	-	1,161
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(130)	-	(130)
Kerugian bagi tahun	-	(873)	(873)
<b>Pada 31 Disember 2018 / 1 Januari 2019</b>	<b>4,156</b>	<b>285</b>	<b>4,441</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	502	-	502
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(141)	-	(141)
Keuntungan bagi tahun	-	315	315
<b>Pada 31 Disember 2019</b>	<b>4,517</b>	<b>600</b>	<b>5,117</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyeata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>DANA INDUK ASEAN PLUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	2	1
Pendapatan dividen	166	137
Kerugian bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	(159)	(367)
Keuntungan / (Kerugian) tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	305	(684)
Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing	29	2
	<b>343</b>	(911)
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(19)	(20)
Lain-lain perbelanjaan	(11)	(7)
<b>KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	<b>313</b>	(938)
<b>PENDAPATAN CUKAI</b>	<b>2</b>	65
<b>KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) BAGI TAHUN</b>	<b>315</b>	(873)
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	285	1,158
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	600	285

# LAMPIRAN

- 154 Nota-nota kepada Penyata Kewangan
- 161 Kenyataan oleh Pengurus
- 162 Laporan Juruaudit Bebas
- 164 Rangkaian Sokongan Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 1. AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM

Aktiviti utama Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Terurus Allianz Life, Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life, Dana Tunai Allianz Life, Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life, Dana Global High Payout Allianz Life, Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life, Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Bon Allianz Life, Dana Padu Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life, Dana ASEAN PLUS Allianz Life dan Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life (selepas in dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana") adalah untuk melabur dalam pelaburan-pelaburan yang diluluskan.

Dana Ekuiti Allianz Life ("Dana Ekuiti") telah dimulakan pada 18 Julai 2000 dan merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang melalui pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Dana Terurus Allianz Life ("Dana Terurus") telah dimulakan pada 18 Julai 2000 dan merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life ("Dana Pertumbuhan Dinamik") telah dimulakan pada 8 Disember 2003 dan adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan mencapai pertumbuhan modal yang unggul dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan di dalam pelbagai portfolio saham dengan penumpuan terhadap syarikat-syarikat bersaiz kecil hingga sederhana.

Dana Tunai Allianz Life ("Dana Tunai") telah dimulakan pada 3 Januari 2005 dan bertujuan untuk menyediakan para pelabur dengan pelaburan berisiko rendah dan tahap kecairan yang tinggi bagi memenuhi keperluan aliran tunai.

Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life ("Dana Pendapatan Ekuiti") yang telah dilancarkan pada 18 Februari 2005 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan-ekuiti dengan penumpuan terhadap ekuiti yang berpotensi menghasilkan pulangan dividen tinggi, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Global High Payout Allianz Life ("Dana Global High Payout") telah dilancarkan pada 27 Mac 2006 dan bertujuan untuk menyediakan pulangan menyeluruh daripada pendapatan dividen, premium opsyen dan peningkatan modal. Ianya dilaburkan dalam pelbagai portfolio sekuriti ekuiti yang menawarkan kadar hasil dividen yang menarik dan mampan; serta menjual opsyen beli bagi menjana premium opsyen yang akan meningkatkan dividen dan mengurangkan keseluruhan risiko portfolio.

Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life ("Dana Asia Multi-IncomePLUS") yang telah dilancarkan pada 4 Jun 2007, merupakan pelan berkaitan pelaburan premium tunggal yang melabur dalam dana sandaran berdenominasi Dolar AS, iaitu Dana AllianzGI Asia Multi-IncomePLUS. Dana ini bertujuan mencapai aliran pendapatan yang stabil dan potensi peningkatan modal dengan melabur terutamanya dalam instrumen yang berdenominasi mata wang tempatan Asia termasuk instrumen berfaedah, sekuriti pendapatan separa tetap dan bon-bon boleh ubah dan boleh tukar.

Dana Bon Allianz Life ("Dana Bon") yang telah dimulakan pada 8 Ogos 2008, adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang stabil dan meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam sekuriti pendapatan tetap.

Dana Padu Allianz Life ("Dana Padu") yang telah dilancarkan pada 8 Jun 2009, adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti berlandaskan Shariah dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life ("Dana Ikhlas") yang telah dimulakan pada 26 November 2012 bertujuan untuk memperolehi gabungan aliran pendapatan yang berlanjutan dan peluang pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam ekuiti disebutharga, instrumen hutang Islam dan lain-lain aset yang dibenarkan berlandaskan prinsip-prinsip Shariah.

Dana ASEAN PLUS Allianz Life ("Dana ASEAN PLUS") telah dilancarkan pada 11 Oktober 2013 dan adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan yang tertumpu dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti ASEAN.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 1. AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM DANA INDUK (SAMBUNGAN)

#### Dana Induk

Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana Induk") ditubuhkan untuk beroperasi sebagai mekanisme pelaburan berpusat untuk Dana-dana. Ia mempunyai nilai aset bersih ("NAV") tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam. Objektif mewujudkan Dana Induk adalah untuk menggabungkan pelbagai pelaburan dana yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang sama. Penggabungan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pelaburan.

Dana Induk Bon Allianz Life ("Dana Induk Bon") yang telah dilancarkan pada 2 Jun 2008, adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang stabil dan peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan pelaburan yang tertumpu terutamanya di dalam sekuriti pendapatan tetap Malaysia. Pelaburan bon dalam Dana Terurus ("MF"), Dana Pendapatan Ekuiti ("EIF"), dan Dana Bon ("BF") telah digabungkan ke dalam MBF. MF, EIF dan BF telah memindahkan NAV pelaburan bon mereka kepada MBF pada kadar NAV RM1.00 seunit pada tarikh dana MBF dimulakan. MF, EIF dan BF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan bon setelah memindahkan bon-bon mereka kepada MBF tetapi memegang unit-unit dalam MBF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MBF oleh MF, EIF dan BF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MBF pada masa transaksi.

Dana Induk Ekuiti Allianz Life ("Dana Induk Ekuiti") yang telah dimulakan pada 13 Jun 2008 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti. Pelaburan ekuiti ke dalam Dana Ekuiti ("EF"), MF dan Dana ASEAN PLUS ("AF") telah digabungkan ke dalam MEF. EF dan MF telah memindahkan NAV pelaburan ekuiti mereka kepada MEF pada kadar NAV RM1.00 seunit pada tarikh dana MEF dimulakan. MF dan EF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti setelah memindahkan ekuiti mereka kepada MEF tetapi memegang unit-unit di dalam MEF. AF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti tetapi memegang unit-unit di dalam MEF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MEF oleh MF, EF dan AF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MEF pada waktu transaksi.

Dana Induk Dividen Allianz Life ("Dana Induk Dividen") yang telah dilancarkan pada 13 Jun 2008 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang stabil dan meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan-ekuiti dengan penumpuan terhadap ekuiti yang berpotensi menghasilkan pulangan dividen tinggi. Pelaburan ekuiti dalam EIF telah digabungkan ke dalam MDF. EIF memindahkan NAV pelaburan ekuitinya kepada MDF pada kadar NAV RM1.00 seunit pada tarikh dana MDF dimulakan. EIF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti setelah memindahkan ekuitinya kepada MDF tetapi memegang unit-unit di dalam MDF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MDF oleh EIF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MDF pada waktu transaksi.

Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life ("Dana Induk Dana Ekuiti") yang telah dimulakan pada 8 Jun 2009, adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti berlandaskan Shariah dan sekuriti berkaitan ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam Dana Padu ("DP") telah digabungkan ke dalam MDE. NAV MDE semasa dana dimulakan adalah RM1.00 seunit. DP tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti tetapi memegang unit-unit di dalam MDE. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MDE oleh DP selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MDE pada waktu transaksi.

Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life ("Dana Induk Dana Ekuiti") yang telah dimulakan pada 8 Jun 2009, adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti berlandaskan Shariah dan sekuriti berkaitan ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam EF dan AF telah digabungkan ke dalam MAF. NAV MAF semasa dana ditubuhkan adalah RM0.50 seunit. EF dan AF tidak terlibat secara langsung dalam pelaburan-pelaburan ekuiti tetapi memegang unit-unit dalam MAF. Sebarang pelaburan baru ke dalam atau ditebus daripada MAF oleh EF dan AF selepas tarikh permulaan dana akan bergantung kepada NAV semasa MAF pada waktu transaksi.

#### Pengurus

Pengurus dana-dana adalah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("pengurus"), syarikat yang diperbadankan di Malaysia, terlibat terutamanya dalam menaja jamin perniagaan insurans hayat dan perniagaan berkaitan pelaburan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 2. ASAS PERSEDITION

Maklumat kewangan tentang Dana telah disediakan selaras dengan polisi perakuan yang diutarakan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, ("BNM") dalam semua aspek material.

Maklumat kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah kecuali seperti yang didekah dalam polisi perakuan yang signifikan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan.

### 3. DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten bagi ke semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini dan telah digunakan secara konsisten oleh Dana-dana kecuali sekira dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Mata wang asing

##### (i) Mata wang fungsian dan pembentangan

Maklumat kewangan adalah dilaporkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu mata wang berfungsi untuk Dana. Semua maklumat kewangan dilaporkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada ribu terdekat, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

##### (ii) Transaksi mata wang asing

Persediaan maklumat kewangan memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang membawa kesan kepada aplikasi polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak semula secara berterusan. Semakan semula bagi anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut dilsemak semula dan dalam mana-mana tempoh depan yang terjejas.

Tidak wujud sebarang bidang signifikan mengenai ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikan yang penting dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan signifikan ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan selain daripada apa yang dinyatakan dalam Nota 3(b) – Instrumen kewangan.

Transaksi dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian Dana-dana pada kadar tukaran semasa tarikh transaksi.

Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasikan di dalam mata wang asing pada tempoh akhir pelaporan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar tukaran semasa tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan yang didenominasikan di dalam mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada tempoh akhir pelaporan, kecuali yang diukur pada nilai saksama akan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar tukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul di atas terjemahan semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 3. DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

#### (b) Instrumen kewangan

##### (i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata aset dan liabiliti apabila, dan hanya apabila, Dana-dana menjadi sebahagian daripada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama ditambah, sekiranya instrumen kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung kepada pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak induk dan diakaunkan sebagai derivatif sekiranya, dan hanya sekiranya, ianya tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko-risiko bagi kontrak induk dan kontrak induk tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kontrak induk, di mana derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, akan dikira selaras dengan dasar yang diguna-pakai berdasarkan sifat kontrak induk.

##### (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Dana-dana mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

###### **Aset kewangan**

###### (a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan efektif) atau aset-aset kewangan yang ditentukan khas kepada kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan kepada dan mesti dilengkapkan melalui penghantaran instrumen ekuiti tidak disebut harga di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan diukur pada nilai kos 157.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur seterusnya pada nilai saksama masing-masing dengan mengiktiraf keuntungan atau kerugian di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

###### (b) Pinjaman dan belum terima

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak disebut harga di pasaran aktif dan termasuk belum terima lain serta tunai dan kesetaraan tunai.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima seterusnya diukur pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Kesemua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, adalah tertakluk kepada semak semula bagi penjejasan nilai (lihat nota 3(d)).

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (b) Instrumen Kewangan (sambungan)

##### (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)

###### ***Liabiliti kewangan***

Kesemua liabiliti kewangan seterusnya diukur pada kos terlunas kecuali liabiliti kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Kategori nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian merangkumi liabiliti kewangan iaitu derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen perlindungan nilai yang ditetapkan dan efektif) atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini selepas pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkait kepada dan mesti diselesaikan menerusi penyerahan instrumen ekuiti yang tidak disebutharga dan tidak mempunyai harga disebutharga di dalam pasaran aktif bagi instrumen seumpamanya di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat, akan diukur berdasarkan kos.

Liabiliti-liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, seterusnya akan diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

##### (iii) Pembelian atau penjualan lazim aset kewangan

Pembelian atau penjualan lazim adalah pembelian atau penjualan aset kewangan menerusi kontrak yang mensyaratkan penyerahan aset dalam jangka masa yang ditetapkan, secara amnya oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkaitan

Pembelian atau penjualan lazim aset-aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf, yang mana diguna-pakai, menggunakan tarikh perakaunan dagangan. Tarikh perakaunan dagangan merujuk kepada:

- (a) pengiktirafan aset-aset belum terima dan liabiliti bagi pembayarannya pada tarikh dagangan, dan
- (b) penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

##### (iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau kawalan ke atas aset tersebut tidak dikekalkan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain. Selepas aset kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah pertimbangan diterima (termasuk sebarang aset baru diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru ditanggung) diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila kewajipan yang disyaratkan di dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Selepas liabiliti kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang telah dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti ditanggung, diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### **3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

#### **(c) Nilai saksama instrumen kewangan**

Nilai saksama dana-dana sekuriti ekuiti disebut harga dan amanah pelaburan harta tanah adalah berdasarkan harga pasaran aktif semasa. Sekiranya pasaran aset kewangan tidak aktif, Dana menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Ia termasuk penggunaan transaksi saksama terkini, rujukan kepada instrumen lain yang ketara sama, analisis aliran tunai didiskaunkan dan model harga opsyen.

Nilai saksama sekuriti kerajaan Malaysia, skim pelaburan kolektif, bond korporat tidak disebut harga dan deposit panggilan dan tetap adalah berdasarkan harga indikatif pasaran saksama/indeks dengan membuat rujukan kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan atau broker.

Pelaburan berstruktur adalah pelaburan di mana sebahagian daripada dana dalam instrumen pendapatan tetap diterbit oleh institusi kewangan manakala baki dana dilaburkan dalam instrumen yang berkaitan dengan prestasi atau satu atau lebih harga, kadar, indeks, sekuriti dan instrumen kewangan lain. Pelaburan berstruktur dibuat pada nilai saksama, ditentukan dengan merujuk kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan.

#### **(d) Tunai dan kesetaraan tunai dan penempatan dengan institusi kewangan**

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit panggilan yang dipegang dengan institusi kewangan dan pelaburan-pelaburan mudah tunai yang tinggi yang mempunyai risiko yang tidak ketara terhadap perubahan dalam nilai saksama dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Dana-dana bagi pengurusan komitmen jangka pendek mereka.

Tunai dan kesetaraan tunai dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan belum terima selaras dengan nota 3(B)(ii)(b).

#### **(e) Penjejasan nilai aset-aset kewangan**

Kesemua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian serta deposit tetap dan panggilan) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif mengenai penjejasan nilai hasil daripada satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai aset di masa hadapan. Kerugian yang dijangka berlaku akibat kejadian di masa hadapan, tidak diiktiraf walaupun wujud kemungkinan ianya akan berlaku. Bagi instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya adalah bukti objektif penjejasan nilai. Jika terdapat bukti objektif tersebut, maka kerugian penjejasan aset kewangan tersebut akan dianggarkan.

Penjejasan kerugian dari segi pinjaman dan belum terima diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai anggaran semasa aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

#### **(f) Penciptaan unit-unit**

Penciptaan unit-unit mewakili pembayaran premium oleh pemegang unit sebagai bayaran untuk kontrak baharu atau bayaran-bayaran seterusnya untuk meningkatkan amaun kontrak tersebut. Penciptaan unit diiktiraf berdasarkan penerimaan.

#### **(g) Pembatalan unit-unit**

Pembatalan unit-unit mewakili pembatalan unit-unit susulan daripada penyerahan dan pengeluaran.

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

### 3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (h) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan, menggunakan kaedah faedah efektif di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

#### (i) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tarikh hak Dana untuk menerima bayaran ditentukan, di mana dalam hal sekuriti disebut harga adalah tarikh selepas dividen.

#### (j) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka perlu dibayar atau diterima ke atas pendapatan boleh cukai atau kerugian bagi sesuatu tahun, menggunakan kadar percakaian yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tempoh akhir pelaporan, dan sebarang pelarasannya kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, mengambil kira perbezaan sementara di antara amaun dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata aset dan liabiliti dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi pengiktirafan awal aset atau liabiliti di dalam sesuatu transaksi yang bukan merupakan gabungan perniagaan dan tidak memberi kesan kepada perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar percakaian yang dijangka akan digunakan ke atas perbezaan sementara apabila ia berbalik, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tempoh akhir pelaporan.

Amaun cukai tertunda diiktiraf diukur berdasarkan kaedah jangkaan realisasi atau penyelesaian amaun dibawa aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaun.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuat kuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ianya berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas entiti boleh cukai yang seumpama, atau ke atas entiti cukai berlainan, tetapi mereka berniat untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa atas dasar bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasi serentak.

Aset cukai tertunda boleh diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan masa depan boleh cukai akan diperolehi di mana perbezaan sementara boleh digunakan untuk menyelesaikannya. Aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tempoh akhir pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

#### (k) Yuran pengurusan pelaburan

Yuran pengurusan pelaburan dikira selaras dengan peruntukan dokumen dasar.

## Kenyataan oleh Pengurus

Kami, **Goh Ching Yin** dan **Joseph Kumar Gross**, selaku dua Pengarah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus Dana-dana, maklumat kewangan mengenai Dana-dana yang mengandungi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2019, penyata perubahan nilai dalam aset bersih, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir, dan nota-nota kepada penyata kewangan sebagaimana dibentangkan di bahagian berkenaan dalam laporan ini disediakan selaras dengan polisi perakaunan ditetapkan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan bagi Perniagaan Berkaitan pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Pengurus Dana-dana,

---

**Goh Ching Yin**  
Pengarah

---

**Joseph Kumar Gross**  
Pengarah

Kuala Lumpur,

Tarikh: 27 Februari 2020

# Laporan Juruaudit Bebas

kepada pemegang polisi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

DANA EKUITI ("EF"), DANA TERURUS ("MF"), DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ("DGF"), DANA TUNAI ("CF"), DANA PENDAPATAN EKUITI ("EIF"), DANA GLOBAL HIGH PAYOUT ("GHP"), DANA ASIA MULTI-INCOMEPLUS ("AMIF"), DANA INDUK BON ("MBF"), DANA INDUK EKUITI ("MEF"), DANA INDUK DIVIDEN ("MDF"), DANA BON ("BF"), DANA PADU ("DP"), DANA INDUK DANA EKUITI ("MDE"), DANA IKHLAS ("DIF"), DANA ASEAN PLUS ("APF"), DANA INDUK ASEAN PLUS ("MAF"), (SELEPAS INI DIRUJUK SECARA KOLEKTIF SEBAGAI "DANA-DANA")

## LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN

### Pendapat kami

Kami telah mengaudit penyata kewangan Dana-dana yang merangkumi penyata aset dan liabiliti pada Disember 2019, penyata perubahan nilai aset bersih, penyata pendapatan dan perbelanjaan, dan aliran tunai untuk tahun kewangan yang telah berakhir, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan di mukasurat 1 hingga 81.

Pada pendapat kami, maklumat kewangan yang dilampirkan mengenai Dana-dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 disediakan, dalam semua bahan berkaitan, selaras dengan polisi-polisi perakaunan yang digarisankan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbit oleh Bank Negara Malaysia.

### Asas bagi pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan selaras dengan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan pada bahagian "Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan" dalam laporan juruaudit kami. Kami adalah bebas daripada Dana-dana selaras dengan keperluan etika yang relevan dengan audit maklumat kewangan di Malaysia, dan kami telah menunaikan tanggungjawab etika lain kami selaras dengan keperluan-keperluan ini.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

### Penekanan perkara – asas perakaunan dan batasan terhadap penyebaran dan kegunaan

Kami menarik perhatian kepada Nota 3 kepada maklumat kewangan yang menerangkan asas perakaunan. Maklumat kewangan ini disediakan untuk membantu dana-dana untuk memenuhi keperluan-keperluan bagi Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia. Sebagai hasilnya, maklumat kewangan mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami bertujuan hanya untuk pemegang unit dana-dana sebagai sebuah organisasi dan tidak sepatutnya diedarkan kepada atau digunakan oleh mana-mana pihak selain daripada pemegang unit dana-dana. Pendapat kami tidak berubah berhubung dengan perkara ini.

### Tanggungjawab Pengurus ke atas penyata kewangan

Pengarah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Pengurus") bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat kewangan selaras dengan polisi perakaunan yang digarisankan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, dan untuk kawalan dalaman sebagaimana dianggap perlu oleh Pengurus bagi membolehkan persediaan maklumat kewangan yang bebas daripada salah nyata, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan maklumat kewangan ini, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana terpakai, hal-hal berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan sekiranya Pengurus sama ada berhasrat untuk membubarkan dana-dana atau menamatkan operasi, atau tiada alternatif realistik kecuali berbuat demikian.

Pengurus bertanggungjawab untuk mengawalselia proses pelaporan kewangan Dana-dana. Juruaudit bertanggungjawab mengaudit maklumat kewangan tersebut.

## Laporan Juruaudit Bebas

kepada pemegang polisi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

### Tanggungjawab juru audit untuk mengaudit maklumat kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar sekiranya Penyata Kewangan Dana-dana secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata yang ketara sekiranya ianya wujud. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mempraktikkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian bertujuan, salah nyata, atau pelangkauan kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengurus Dana-dana.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan perakaunan asas usaha berterusan oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Dana-dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Dana-dana atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Dana-dana menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus berkenaan perkara-perkara, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan berkaitan audit penting, termasuk sebarang kekurangan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti semasa pengauditan kami

**PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT**  
LLP0014401-LCA & AF 1146  
Akauntan Berkanun

**MANJIT SINGH A/L HAJANDER SINGH**  
02954/03/2021 J  
Akauntan Berkanun

# Rangkaian Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



## ● PUSAT PERKHIDMATAN/ PERHUBUNGAN PELANGGAN

Ground Floor, Block 2A Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan  
Tel : 03-2264 0700  
Faks : 03-2264 8499  
Bebas Tol : 1-300-22-5542  
Laman Web : [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

## ● WILAYAH TENGAH

1. **DESA JAYA**  
Wisma Allianz Life  
No. 11-14, Jalan 53  
Desa Jaya Commercial Centre  
Taman Desa  
52100 Kepong  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-6275 8000  
Faks : 03-6275 7100
2. **KLANG**  
No. 46, Jalan Tiara 2C  
Bandar Baru Klang  
41150 Klang  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-3346 6033  
Faks : 03-3345 3288

## 3. SEREMBAN

No. 44, Ground Floor  
Jalan S2 B18, Biz Avenue, Seremban 2  
70300 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel : 06-601 1007  
Faks : 06-601 1099

## Rangkaian Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



### • WILAYAH UTARA

#### 4. PENANG

Ground & 1st Floor  
No.1 China Street  
10200 Georgetown  
Penang  
Tel : 04-251 9899  
Faks : 04-251 9699

#### 5. BUKIT MERTAJAM

No. 487, Jalan Permatang Rawa  
Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam  
Penang  
Tel : 04-537 7231  
Faks : 04-537 8231

#### 6. ALOR SETAR

No. 301, Ground & 2nd Floor  
Jalan Lumpur  
05100 Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
Tel : 04-734 5091  
Faks : 04-731 7271

#### 7. SUNGAI PETANI

No. 62B, 1st Floor  
Jalan Pengkalan, Pekan Baru  
08000 Sungai Petani  
Kedah Darul Aman  
Tel : 04-425 6863  
Faks : 04-425 6861

#### 8. IPOH

Unit No. A-G-1 & A-2-1  
Ground & 2nd Floor,  
Greentown Square  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said  
30450 Ipoh  
Perak Darul Ridzuan  
Tel : 05-241 9752  
Faks : 05-241 6898

## Rangkaian Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



### • WILAYAH SELATAN

9. **JOHOR BAHRU**  
 #03-01 & #03-02, Block C  
 #04-01, #04-02 & #04-03 Block C  
 Komersil Southkey Mozek  
 Persiaran Southkey 1, Kota Southkey  
 80150 Johor Bahru  
 Johor Darul Takzim  
 Tel : 07-338 3285  
 Faks: 07-336 3473
10. **KLUANG**  
 No. 5, Ground Floor  
 Jalan Persiaran Yayasan  
 86000 Kluang  
 Johor Darul Takzim  
 Tel : 07-771 5588  
 Faks: 07-773 8097

### 11. BATU PAHAT

No. 1-2 & 1-2B, Ground & 2nd Floor  
 Jalan Maju 1, Taman Maju  
 83000 Batu Pahat  
 Johor Darul Takzim  
 Tel : 07-434 3313  
 Faks: 07-433 2166

### 12. MUAR

No. 1, Ground, 1st & 2nd Floor  
 Pusat Dagangan Bakri  
 Jalan Bakri  
 84000 Muar  
 Johor Darul Takzim  
 Tel : 06-954 5689  
 Faks: 06-954 5684

### 13. MELAKA

No. 374, Ground & 2nd Floor  
 Jalan Melaka Raya 6  
 Taman Melaka Raya  
 75000 Melaka  
 Tel : 06-282 3377  
 Faks: 06-282 0793

### • WILAYAH PANTAI TIMUR

14. **TEMERLOH**  
 No. 6, Pusat Komersil Temerloh  
 Jalan Dato' Bahaman 3  
 28000 Temerloh  
 Pahang Darul Makmur  
 Tel : 09-296 9292  
 Faks: 09-296 0254

### 15. KUANTAN

No. 4 & 4a, 6 & 6a  
 (Construction Town)  
 Jalan Putra Square 6, Putra Square  
 25200 Kuantan  
 Pahang Darul Makmur  
 Tel : 09-515 9098  
 Faks: 09-515 9096

### 16. KOTA BHARU

Lot 1184, 1st Floor  
 Jalan Kebun Sultan  
 15350 Kota Bharu  
 Kelantan Darul Naim  
 Tel : 09-748 4496  
 Faks: 09-748 5596

## Rangkaian Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



### • WILAYAH SABAH

#### 17. KOTA KINABALU

B-1-73, B-1-73a, B-1-75 & B-1-76  
Riverson@Sembulan, Block B  
First Level, Riverson Walk  
Unit No. R-6-01, R-06-02 & Part of  
Unit No. R-6-05, Level 6,  
Riverson Suites  
Lorong Riverson@Sembulan  
Off Coastal Highway  
88100 Kota Kinabalu  
Sabah  
Tel : 088-224 551  
Faks : 088-224 506

#### 18. SANDAKAN

2nd Floor, Menara Rickoh  
Indah Commercial Complex  
Bandar Indah Mile 4,  
North Road 90000 Sandakan,  
Sabah  
Tel : 089-211 054 / 217 197  
Faks : 089-211 052

#### 19. TAWAU

TB320, Ground Floor  
Block 38, Fajar Complex  
Jalan St. Patrick, W.D.T. No. 33  
91009 Tawau  
Sabah  
Tel : 089-765 054  
Faks : 089-764 554

### • WILAYAH SARAWAK

#### 20. KUCHING

Sublot 3, Ground Floor, Block 10  
Jalan Laksamana Cheng Ho  
Kuching Central Land District  
93350 Kuching  
Sarawak  
Tel : 082-246 515  
Faks : 082-246 713

#### 21. MIRI

Lot 3544, 1st Floor  
Lot 3545, Ground Floor  
Section 5, M.C.L.D Jalan Miri-Pujut  
98000 Miri  
Sarawak  
Tel : 085-320 470  
Faks : 085-324 920

#### 22. SIBU

Lot 1726, No. 12-H  
1st & 2nd Floor  
Jalan Kampung Datu  
96000 Sibu  
Sarawak  
Tel : 084-346 515  
Faks : 084-326 448

**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad**  
(104248-X)

Level 29, Menara Allianz Sentral  
203, Jalan Tun Sambanthan  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur

Tel: +603 2264 1188 / 2264 0688  
Faks: +603 2264 1199

[allianz.com.my](http://allianz.com.my)